

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
(SEPANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27.05.2015**

**Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [ SEPANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA-Terengganu Investment Authority) yang ditubuh pada tahun 2008 sebelum 1MDB telah di beri dana (modal) permulaan sebanyak RM500 juta dan jika benar, apakah terjadi kepada dana atau modal RM500 juta itu. Jika tidak, berapakah jumlah dana atau modal permulaan yang diberikan kepada TIA tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh pihak pengurusan 1MDB kepada Kementerian Kewangan, kenyataan yang dibuat oleh YB Sepang bahawa Lembaga Pelaburan Terengganu (TIA - Terengganu Investment Authority) diberi dana permulaan sebanyak RM500 juta adalah tidak benar.

Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih TIA daripada Kerajaan Negeri Terengganu pada 25 September 2009 dengan harga sebanyak RM1,000,002.00 dan TIA seterusnya ditukar nama kepada 1MDB.